

KERTAS CADANGAN PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN TAPAK JUALAN/PROMOSI DI HADAPAN PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN UNIT KAUNSELING OLEH KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PUSAT ASASI , UIAM.

1. PENGENALAN.

Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Asasi UIAM bercadang untuk mengambil alih pengurusan tapak jualan di hadapan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kaunseling daripada Jabatan Aktiviti Pelajar. Jabatan Aktiviti Pelajar pada masa ini menguruskan segala permohonan untuk tapak jualan/promosi sejak pengstrukturian semula Jabatan Hal Ehwal Pelajar pada tahun 2003.

2. OBJEKTIF.

Objektif pengambilalihan pengurusan tapak jualan/ promosi oleh KKK adalah seperti berikut :-

- a. Menjana sumber kewangan bagi tabung Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Asasi UIAM bagi menambahkan kewangan Kelab
- b. Menyediakan satu sistem pengurusan jualan tapak/promosi yang lebih baik bagi semua pihak.
- c. Meringgakan beban tanggungjawab kepada Jabatan Aktiviti Pelajar yang selama ini mengurus segala permohonan tapak jualan /promosi yang tidak langsung mencerminkan fungsi utama Jabatan.
- d. Kutipan daripada jualan tapak/promosi akan dapat digunapakai oleh seluruh warga Kelab terutamanya dan warga Pusat Asasi melalui aktiviti –aktiviti Kelab di Pusat ini.

3. CADANGAN

1. Pihak KKK bercadang mengambil alih pengurusan tapak jualan / promosi daripada Jabatan Aktiviti Pelajar sebagai satu aktiviti bagi Kelab dan dipertanggungjawabkan kepada Biro Ekonomi Kelab. Pihak Kelab beranggapan dengan adanya satu lagi sumber kewangan kelab ini, akan dapat membantu kewangan Kelab dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancangan . Sumber kewangan ini akan dapat digunakan oleh seluruh warga Pusat samada ahli atau bukan ahli melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang.

2. Kelab juga bercadang akan membahagikan sebahagian keuntungan kutipan daripada jualan tapak / promosi ini untuk disumbangkan kepada Jabatan Aktiviti Pelajar @ Pejabat Perkhidmatan Pelajar setiap tahun kewangan berakhir dengan nisbah seperti berikut :-

- 1. Kelab Kebajikan Kakitangan : 60%
- 2. Jabatan Aktiviti Pelajar : 40%

3. Kelab juga bercadang akan menyediakan satu kemudahan yang bersesuaian dengan konsep tapak/jualan/promosi kepada semua pemohon bagi menunjukkan satu sistem pengurusan tapak jualan/promosi yang sempurna.

4. Kelab bercadang akan mengadakan syarat-syarat permohonan dan kadar bayaran seperti berikut :-

- a. Permohonan Luar : RM 30.00 sehari –
- setiap permohonan luar hanya dibenarkan selama seminggu sahaja.
- b. Pelajar – Jualan/Promosi Peribadi : RM 30.00 seminggu
- c. Ahli Kelab : RM15.00 sehari
- d. Kelab, Persatuan , Pelajar (Tujuan Promosi) : Percuma

5. Kemudahan sedia ada seperti meja, kerusi akan disediakan berdasarkan kemudahan yang ada sekarang dan Kelab bercadang akan mengadakan konsep "booth" bagi menunjukkan satu konsep perniagaan gerai jualan/promosi yang bersistem sekiranya kewangan kelab kukuh.

6. Kelab juga bercadang untuk mengadakan satu tempat yang bersesuaian bagi mengelakkan kesesakan di hadapan Pejabat Perkhidmatan Pelajar dan Unit Kaunseling. Pihak Kelab bercadang menjadikan koridor disepanjang Bangunan Central Spine sebagai tapak jualan/promosi.

4. PENGURUSAN

1. Kelab akan melantik Biro Ekonomi sebagai badan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan tapak/promosi . Setiap permohonan akan diminta mengisi borang permohonan sebagai kaedah pengurusan. (borang disediakan). Segala urusan permohonan atau bayaran akan diuruskan terus oleh Biro Ekonomi, Kelab.

2. Setiap urusan bayaran akan dibuat terus ke Bendahari Kelab setelah permohonan dibuat oleh pemohon melalui Biro Ekonomi , KKK . Lot tapak jualan/promosi akan ditentukan oleh ahli jawatan kuasa yang dilantik oleh Ketua Biro Ekonomi KKK.

5. PENUTUP

Pihak Kelab Kebajikan Kakitangan , Pusat Asasi , UIAM berharap cadangan untuk mengambilalih pengurusan tapak jualan/promosi di hadapan Pejabat Perkhidmatan Pelajar dan Unit Kaunseling dapat dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pengurusan Pusat Asasi. Tujuan utama adalah untuk mencari sumber kewangan Kelab bagi menambah dana untuk keperluan aktiviti Kelab dan ahli Kelab Kebajikan Kakitangan.

Disediakan oleh :-




SYAMSUL AMRI HJ ABDUL RAHIM

Pengerusi
Kelab Kebajikan Kakitangan
Pusat Asasi, UIAM

13/5/2007.

Disokong Dan Di luluskan oleh :



PUAN SADAH ISMAIL

Timbalan Dekan
Jab. Aktiviti Pelajar
DEPUTY DEAN
Student Activities Department
Centre for Foundation Studies
International Islamic University Malaysia

20/5/2007